

UMS akan adakan Persidangan Antarabangsa Sains Makanan dan Pemakanan 2-4 April

NST 24-03-2012 7

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan, akan mengadakan Persidangan Antarabangsa Sains Makanan dan Pemakanan 2012 (ICFSN 2012) pada 2-4 April 2012.

Persidangan selama tiga hari ini diadakan bertempat di Pacific Sutera Hotel, Kota Kinabalu dengan bertemakan 'Traditional Resources: Scientific Approaches Towards Quality Foods'.

Persidangan ini akan memfokus kepada empat tajuk utama iaitu Produk Semulajadi dan Pemprosesan Makanan Inovatif, Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pemakanan dan Food Security serta Antropologi dan Gastronomi Makanan.

Penganjuran persidangan ini antara lain bertujuan bagi menyediakan pelantar perkongsian maklumat terkini dalam bidang Sains dan Teknologi Makanan, Pemakanan, serta Pengurusan Perkhidmatan Makanan melalui penekanan kepada idea-idea baru dan kaedah-kaedah inovatif untuk penjanaaan kesihatan dan kekayaan.

Sesi ucapan dan plenari persidangan itu akan disampaikan oleh pakar-pakar terkemuka dari dalam dan luar negara. Antaranya termasuklah Presiden International Union of Food Science and Technology (IUFoST) Prof. Geoffrey Campbell-Platt (United Kingdom), Prof. Daryl Lund (Amerika Syarikat), Prof. Rickey Yada (Kanada), Prof. Aman Wirakartakusumah (Indonesia), Dr. Dave Pooch (New Zealand), Noraini Dato' Mohd. Othman (Malaysia), Dr. Rajeev Bhat (Malaysia) dan Prof. Saleem Mustafa (Malaysia).

Persidangan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada peserta dalam dan luar negara yang terdiri daripada golongan penyelidik, ahli akademik, pakar kesihatan, pakar piawai dan perundangan makanan, agensi kerajaan, industri makanan, sektor perkhidmatan makanan, agensi penguatkuasa, pelajar pasca-siswazah dari seluruh dunia.

Setakat ini, seramai 311 peserta telah mengesahkan kehadirannya yang terdiri daripada 192 orang peserta Malaysia dan 119 peserta luar negara dari Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, United Kingdom, Germany, Austria, Korea, Benua India, Timur Tengah, Benua Afrika, China, Hong Kong, Taiwan, di samping negara-negara ASEAN.

Bersempena dengan persidangan ini, satu semakan kurikulum program pra-siswazah Sains/Teknologi Makanan juga akan turut diadakan. Semakan kurikulum ini bakal dihadiri Jawatankuasa Pendidikan IUFoST, wakil-wakil The Federation of the Institutes of Food Science and Technology in ASEAN (FIFSTA) serta universiti-universiti Malaysia yang menawarkan program berkenaan.

Antara tujuan semakan ini adalah untuk meneliti semula dan mengemaskini kurikulum yang sedang diaplikasi di universiti-universiti tempatan, disamping menyelaraskan kurikulum tersebut dengan universiti-universiti di ASEAN bagi menggalakkan mobiliti pelajar pada masa akan datang.

Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan, UMS turut mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan khidmat nasihat Jawatankuasa Pendidikan International Union of Food Science and Technology (IUFoST) untuk pengiktirafan antarabangsa di masa depan.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai persidangan yang dianjurkan dengan kersama Malaysian Institute of Food Technology (MIFT) dan IUFoST ini boleh diperolehi melalui laman web persidangan <http://www.ums.edu.my/conferences/ICFSN> atau emel kepada icfsn2012@gmail.com.